

23/10/1997

Membangun fikiran strategik baru

Jamhariah Jaafar

APA yang menarik mengenai Dr Mahathir ialah cara beliau melihat konsep pemikiran strategi dan cara terbaik bagi melaksanakan sesuatu strategi itu. Beliau menggariskan definisi strategi sebagai satu kumpulan langkah yang perlu digariskan untuk mencapai sesuatu objektif.

"Dalam kes negara membangun seperti Malaysia, objektif kita adalah untuk mencapai status negara maju menjelang 2020. Dengan kita mempunyai objektif yang jelas, strategi untuk mencapai matlamat itu sudah tidak terlalu sukar," katanya.

Menurutnya, pemikiran strategik adalah sesuatu yang baru bagi dunia kini kerana manusia memang sudah berfikir sejak sekian lama, tetapi keputusan yang dibuat kadang-kadang dilihat seperti mereka langsung tidak berfikir.

"Kerana itu dalam sejarah manusia kita mempunyai begitu banyak peperangan, pergaduhan, pembunuhan dan keganasan. Jika kita berfikir, kita tidak akan melakukan semua ini kerana ia bukan saja tidak berperikemanusiaan bahkan tidak membawa sebarang keuntungan kepada sesiapa," katanya.

Beliau mengambil contoh Perang Dunia Kedua yang mengorbankan 20 juta nyawa disebabkan hanya kerajaan Jerman dan Jepun ingin membina empayar masing-masing, manakala Britain, Perancis dan Amerika ingin mengekalkan empayar mereka.

"Akhirnya, Jerman dan Jepun tidak menang apa-apa manakala Britain, Perancis dan Amerika Syarikat, Belanda dan lain-lain juga gagal mengekalkan empayar masing-masing," katanya.

Tetapi setiap yang berlaku pasti ada rahmatnya, katanya. Dalam kes Jepun dan Jerman selepas perang itu, mereka menjadi kuasa ekonomi dunia yang mengagumkan, manakala Britain dan negara lain yang mendakwa menang perang kini menjadi negara dunia kelas kedua.

"Jika mereka berfikir dengan mendalam sebelum berperang, keadaan yang ada sekarang sebenarnya boleh dicapai tanpa membunuh 20 juta manusia dan memusnahkan dua bandar dengan bom atom," katanya.

Menurutnya, untuk menjadi seorang ahli strategi, seseorang itu perlu menggariskan setiap tindakan dan mengkaji kesan yang mungkin berlaku.

"Sudah tentu ahli strategi akan diberi pujian kerana menggariskan strategi yang betul untuk menang dalam sesuatu persaingan itu. Bagaimanapun, hakikatnya ialah kejayaan akan membayangkan strategi yang digunakan adalah benar, walaupun strategi yang sama mungkin dipersalahkan jika mereka mengalami kekalahan.

"Pemikir strategi akan mengkaji beberapa langkah berbeza untuk mencapai objektifnya. Dia akan membayangkan beberapa gambaran kemungkinan dan reaksi setiap pihak, serta menimbang sama ada strategi yang dirancang akan berjaya.

"Saya bukan seorang anggota tentera dan saya juga bukan saintis politik, saya hanya seorang doktor. Biasanya doktor tidak perlu sebarang strategi.

"Tetapi saya mengaku dalam tugas menguruskan sebuah negara, penyusunan strategi adalah penting kecuali kita hanya mahu mentadbir dan bukannya membangunkan sesebuah negara," katanya.

Menurutnya, Malaysia sebagai sebuah negara pelbagai kaum menghadapi masalah lebih rumit berbanding negara lain, tetapi uniknya negara ini tidak mengalami sebarang masalah perkauman yang tidak diingini sejak tragedi 13 Mei 1969.

"Mungkin strategi yang kita gunakan selama ini adalah betul, saya tidak

tahu. Strategi yang kita gunakan ialah membuatkan semua rakyat berasa sedikit tidak puas hati, dengan menafikan orang lain perkara yang benar-benar diinginya.

"Alasannya adalah mudah. Kita tidak boleh memberi setiap orang apa yang dikehendakinya kerana ia membabitkan sesuatu daripada seorang lain. Perkara paling buruk yang boleh berlaku dalam strategi seperti ini ialah ia mungkin membuatkan semua rakyat bersatu menentang kerajaan, dan ini bermakna akan merapatkan hubungan setiap lapisan masyarakat.

"Atau mereka akan sedar bahawa orang lain juga tidak gembira kerana mereka juga terpaksa melepaskan sesuatu. Mereka boleh berkata 'padan muka kau' kepada satu sama lain dan berasa sedikit puas hati melihat orang lain menderita. Ia adalah rasmi manusia yang berpuas hati melihat penderitaan orang lain," katanya.

Berikutan itu Perdana Menteri berkata, Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan.

"DEB bukan saja strategi untuk mencapai kestabilan politik dan pembangunan ekonomi, tetapi ia juga untuk mengatasi masalah ketidakseimbangan ekonomi dan sosial di kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

"Semua ini dicapai bukan ala Robin Hood, iaitu merompak yang kaya dan memberikan kepada si miskin, tetapi dengan mencipta peluang dan latihan kepada Bumiputera yang selama ini hanya dinikmati golongan bukan Bumiputera.

"Tetapi dasar ini juga memerlukan pengorbanan dari kalangan bukan Bumiputera dan dengan itu mencipta sedikit perasaan tidak gembira. Keadaan itu menimbulkan pelbagai kritikan sehingga ada yang berkata DEB membenarkan berlakunya diskriminasi," katanya.

Menurutnya, ketegasan Malaysia meneruskan dasar itu bagi merapatkan jurang ekonomi antara golongan Bumiputera dan bukan Bumiputera, kini menjadi sejarah kejayaan mengukuhkan kestabilan di negara ini.

Begitu juga katanya, dengan strategi untuk membentuk sebuah kerajaan Barisan Nasional yang menggabungkan pelbagai kaum di bawah satu pemerintahan.

"Strategi BN adalah mudah dan diterima akal. Ia berasaskan kepada kepercayaan yang dimiliki semua orang iaitu adalah lebih baik bekerjasama daripada bergaduh antara satu sama lain.

"Ini adalah satu pengorbanan besar rakyat negara ini kerana kebanyakan negara lain dan bangsa lain lebih suka untuk bergaduh dan berbunuhan sesama sendiri semata-mata untuk membolot kuasa hanya untuk satu kaum. Keadaan di Bosnia Herzegovina, Algeria, Palestin dan beberapa negara di Asia membuktikan hakikat itu," katanya.

Oleh itu, Dr Mahathir berkata, pemikiran strategi sebenarnya memerlukan langkah berkeliling, bukannya serangan dari hadapan atau kekerasan tetapi diplomasi.

"Ada orang mempunyai strategi begitu baik sehingga anda akan berkata terima kasih, walaupun dia memerah kering kekayaan anda.

"Saya seorang amatir dalam pemikiran strategi ini dan saya tidak akan berada dalam senarai pemikir agung. Malahan lebih ramai orang berkata saya seperti 'loose cannon'. Mungkin mereka benar, tetapi jika anda memegang jawatan seperti saya, anda mesti bersedia untuk ditembak," katanya berjenaka.

Berikutan itu Perdana Menteri berkata dalam usaha untuk menangani krisis ekonomi yang menyaksikan kejatuhan nilai ringgit sejak dua bulan lalu, beliau akan menggariskan beberapa strategi dan berjanji ia tidak akan merugikan mana-mana pihak.

"Ketika ini saya sedang memikir secara strategik mengenai ekonomi dan pasaran kewangan kita. Saya belum lagi dapat mencari satu strategi yang

mantap, tetapi saya tahu satu perkara jika kita panik dan kehilangan disiplin diri, kita, rakyat Malaysia akan menderita.

"(Jika itu berlaku) Kita mungkin tidak dapat memulihkan diri, walau apapun strategi yang kita pilih. Tetapi jika kita bertenang dan berdisiplin dalam melaksana sesuatu strategi, walaupun ia hanya sebuah rancangan yang lemah kita akan berjaya. Jika tidak keseluruhannya tetapi sebahagiannya.

"Dan jika kita akan meneruskan perjalanan hidup ini dengan membetulkan kembali kesilapan yang dilakukan, kita akan kembali pulih (seperti biasa).

"Ketika ini kita sedang mencari satu pemikiran paling strategik (untuk menangani masalah krisis ekonomi). (Jangan bimbang) Kita akan dapat mencari penyelesaian tidak lama lagi. Berilah peluang kepada penyelesaian itu, Insyallah, kita akan mengatasi (masalah ini)," katanya.

(END)